

# UMS belum dapat hasilkan penerbitan berimpak tinggi: NC

## Clarence George Dol

KOTA KINABALU: Ahli-ahli akademik dan penyelidik di Universiti Malaysia Sabah (UMS) masih belum dapat menghasilkan penerbitan yang cukup berimpak tinggi, kata Naib Canselornya Datuk Dr Kamaruzaman Hj Ampon.

Katanya, tahun lalu hanya 30 daripada 600 penyelidik dalam universiti itu yang terlibat secara aktif dalam menghasilkan penerbitan berimpak tinggi, dan daripada 400 penerbitan, hanya 40 yang dianggap sebagai jurnal bermakna.

"Penerbitan jurnal seperti itu, yang berdasarkan kepada kaji selidik adalah kriteria utama dalam menentukan kualiti seseorang penyelidik itu, maka semua penyelidik perlu menggandakan usaha mereka dalam menghasilkan keputusan yang lebih berkualiti," katanya.

Beliau bercakap di Malam Penghargaan Penyelidik UMS di sebuah hotel di sini Selasa lepas, di mana beliau menyampaikan anugerah dan insentif kepada 22 penyelidik dari universiti tersebut.

Kamaruzaman berkata, budaya kaji selidik harus ditanam pada diri kesemua warga universiti itu untuk mencapai sasarannya menjadi sebuah universiti penyelidikan dalam masa terdekat ini.

Untuk itu, beliau memuji usaha yang dibuat oleh mereka yang membuatkan universiti itu terkenal melalui pelbagai pertandingan produk penyelidikan yang diadakan di

dalam negara dan juga seberang laut.

Katanya, universiti itu memperoleh kejayaan dalam pertandingan seperti Ekspo Teknologi Malaysia, MTE 2009, Pameran Rekaan, Inovasi dan Teknologi, ITEX 2009, Pameran BioMalaysia 2009, Ekspo Penyelidikan dan Rekaan, PECIPTA 2009 serta pertandingan di Geneva, Switzerland dan Seoul, Korea pada Disember 2009.

"Saya harap produk-produk yang mendapat pengiktirafan dari dalam dan luar negara itu akan dikomersilkan melalui kerjasama pintar dengan para perwakilan dari industri-industri berkenaan," katanya.

Menurut Kamaruzaman, dari 2006 hingga 2009, sejumlah 262 pensyarah UMS terlibat aktif sebagai ketua penyelidik dalam 373 projek kaji selidik, yang melibatkan pembiayaan RM29 juta.

Pada 2009, UMS memperoleh gran penyelidikan dalam pelbagai bidang bernilai RM1.7 juta daripada Tabung Sains Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, RM0.6 juta daripada Skim Gran Penyelidikan Asas Kementerian Pengajian Tinggi dan RM3.2 juta daripada sumber-sumber lain. Turut hadir ialah ahli Lembaga Pengarah UMS, Datuk Dr Beatrice Beth Baikan, Timbalan Naib Canselor Prof Dr Rosnah Ismail, Prof Dr Amran Ahmed dan Prof Dr Hj Kasim Hj Mansur serta para pegawai dan penyelidik.